

Nasional

Penempatan haram PATI sejak 7 tahun digempur

43 pendatang ditahan di kawasan sebalik belukar di Bandar Bukit Puchong

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Subang Jaya: Jabatan Imigresen menggempur sebuah kawasan penempatan pendatang asing tanpa izin (PATI) warga Indonesia dan Bangladesh di kawasan belukar Bandar Bukit Puchong, di sini, awal pagi semalam.

Penempatan itu dipercayai wujud sejak enam hingga tujuh tahun lalu dan bilangannya semakin bertambah apabila selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac tahun lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Datuk Khairul Dzamee Daud, berkata operasi itu dilakukan secara bersepadu dengan Pasukan Gerakan Am (PGA) Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"Seramai 43 pendatang tanpa izin iaitu 33 warga Indonesia dan 10 warga Bangladesh ditahan dalam serbuan bermula 12 tengah malam tadi di sebuah penempatan haram di sebalik belukar di Bukit Puchong.

"Penempatan haram ini dikenali

pasti sebagai tempat tinggal bagi pendatang tanpa izin yang bekerja di tapak pembinaan dan kedai makan," katanya selepas menyertai operasi berkenaan semalam.

Beliau berkata, mereka melalui jalan denai di kawasan belukar untuk menuju ke kediaman haram itu dan menggunakan bekalan elektrik yang dicuri secara sambungan haram.

"Berdasarkan pemeriksaan dan temu bual bersama PATI yang ditahan mereka sudah mendiami kawasan ini sejak enam hingga tujuh tahun lalu selepas hilang pekerjaan dan diusir kerana tidak mampu membayar sewa rumah di kawasan lain.

"Kebanyakan mereka juga hilang pekerjaan akibat pandemik COVID-19 dan mendapatkan bantuan sara hidup daripada rakan-rakan senegara serta bantuan dari keluarga di Indonesia," katanya.

Katanya, jabatan itu akan maklumkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memusnahkan penempatan ini bagi memastikan perkara ini tidak berlaku lagi.

Semua tahanan yang berusia



Anggota Imigresen memeriksa pendatang tanpa izin yang ditahan dalam Op Bersepadu di Bandar Bukit Puchong, awal pagi semalam. (Foto BERNAMA)

antara 25 dan 50 tahun itu didapati melakukan pelbagai kesalahan mengikut Akta Imigresen 1959/63 antaranya tiada sebarang dokumen pengenalan diri, tinggal lebih masa di negara ini dan memiliki suatu dokumen disyaki palsu.

Pada 16 Mac lalu, jabatan itu menahan 21 PATI yang melakukan pelbagai kesalahan dalam serbuan di dua premis perniagaan yang dijadikan kilang jahitan di Shah Alam.

Pada 17 Mac lalu, Jabatan Imigresen menggempur Kampung Bukit Malut di Langkawi menerusi Operasi Sapu dan menahan 18 PATI, manakala pada 31 Mac lalu, menahan lima warga asing yang diperiksa kerana melakukan pelbagai kesalahan dalam Operasi Dandan di Subang Jaya.



Khairul Dzamee (kanan) memeriksa pendatang tanpa izin yang ditahan awal pagi semalam.



Kawasan penempatan haram yang dibina di kawasan belukar berhampiran Bukit Puchong. (Foto Hazreen Mohamad/BH)



Antara pendatang tanpa izin ditahan dalam Op Bersepadu di kawasan belukar Bandar Bukit Puchong, awal pagi semalam.